



20 Januari 2020
20 January 2020
P.U. (A) 21

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR (PINDAAN) 2020

*FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR LAND
(AMENDMENT) RULES 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [P.U. (A) 56/1974], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Pindaan) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 21 Januari 2020.

Pindaan kaedah 31

2. Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1995 [P.U. (A) 26/1995] dipinda dalam kaedah 31—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Fi tahunan yang kena dibayar bagi permit untuk menggunakan ruang udara bagi maksud mendirikan, menyenggarakan dan menduduki suatu struktur di atas tanah Persekutuan atau tanah rizab, atau di atas tanah Persekutuan atau tanah rizab sebagai tambahan kepada mana-mana struktur di atas tanah bersempadan adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Fi tahunan (RM)</i>		
		<i>Kegunaan awam</i>	<i>Kegunaan persendirian</i>	<i>Kegunaan komersial</i>
(i)	Laluan pejalan kaki	20.00	30.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya	150.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
(ii)	Kantilever/ Langkan	20.00	30.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya	100.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
(iii)	Jejantas pejalan kaki	20.00	20.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya	50.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
(iv)	Jejantas motosikal	20.00	30.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya	50.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
(v)	Kanopi	20.00	20.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya	50.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya